



## **MAJLIS PERBANDARAN MUAR** **IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa dari kalangan Warganegara Malaysia (keutamaan kepada rakyat Negeri Johor Darul Takzim) yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut :-

- 1. SKIM PERKHIDMATAN** : PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19  
(a) **KLASIFIKASI** : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN  
(b) **KEMENTERIAN / JABATAN** : MAJLIS PERBANDARAN MUAR  
(c) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PELAKSANA  
(d) **GRED** : N19  
(e) **KEKOSONGAN** : 2 (DUA)  
(f) **TARAF JAWATAN** : TETAP
- 2. Jadual Gaji Jadual Gaji Minimum – Maksimum** : RM 1,352.00 - RM 4,003.00
- 3. SYARAT LANTIKAN** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - a) warganegara Malaysia;
  - b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM 1,352.00);  
(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40);  
(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80); dan
  - d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki 5 subjek Kepujian sekurang-kurangnya Gred C termasuk subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
  - e) Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai Sijil Kemahiran Komputer.
  - f) Memiliki sijil-sijil keaktifan dalam bidang kokurikulum / kebudayaan peringkat sekolah atau daerah.

4. **PERMOHONAN :**

- (a) Pemohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 17 Bab A dibawah peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat, dan Penamatan Perkhidmatan) Tahun 2005 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilaian Prestasi Tahunan terkini;
- (b) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh dimuat turun secara percuma di laman web Majlis Perbandaran Muar iaitu : [www.mpmuar.gov.my](http://www.mpmuar.gov.my) atau di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan pada hari Ahad hingga Rabu dari jam 08.30 pagi hingga 4.30 petang, dan hari Khamis dari jam 08.30 pagi hingga 03.00 petang dengan bayaran RM 1.00/set. Sila sertakan sekeping gambar terbaru berukuran passport dan salinan yang telah disahkan semua dokumen seperti kad pengenalan, sijil kelahiran, sijil-sijil akademik dan lain-lain dokumen sokongan;
- (c) Pemohonan yang lewat, tidak lengkap, tidak diakui sah atau tidak mengikut syarat di atas akan ditolak;
- (d) Sebarang usaha untuk membuat semakan dokumen **SELEPAS** borang dihantar / penghantaran borang **SELEPAS** tarikh iklan ditutup **TIDAK AKAN DITERIMA**.
- (e) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Mereka yang tidak dihubungi dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri ujian dan temuduga adalah ditanggung oleh calon-calon sendiri.
- (f) Sila tulis nama jawatan yang dipohon di penjuru atas sebelah kiri sampul surat dan dihantar kepada :

YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN MUAR  
KARUNG BERKUNCI NO. 516  
**84009 MUAR**

5. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 07 OKTOBER 2023**